

# Muhyiddin ucap tahniah

**Perdana** Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengucapkan tahniah dan berkongsi kegembiraan atas kejayaan filem indie, *Belaban Hidup: Infeksi Zombie* memenangi kategori Seram dan Sains Fiksyen bagi genre filem cereka di WFC Singapore 2021, minggu lalu.

Dalam ucapan di laman Facebooknya, Muhyiddin berkata, kemenangan itu membuktikan negara tidak ketandusan bakat dalam menghasilkan karya seni


berkualiti antarabangsa, selain meneruskan kesinambungan kejayaan filem dan terbitan kreatif tempatan di peringkat antarabangsa.

“Saya yakin filem yang menggabungkan elemen seram dan aksi yang menegangkan kisah pahlawan Dayak Sarawak ini secara tidak langsung mampu mempromosi Malaysia, khususnya kepelbagaian etnik, budaya dan bahasa di Sarawak kepada dunia.

“Tahniah kepada penga-

rah filem kelahiran Sarawak, Lee, Misha dan semua pihak yang terbabit dalam penerbitan serta pelakon atas kemenangan ini yang tentunya turut mengharumkan nama Malaysia di luar negara,” katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut berharap agar filem yang dijangka memasuki pawagam pada Ogos depan itu akan mendapat sambutan daripada peminat-peminat filem tempatan. lalu.



*" Tahniah kepada  
                  pengarah filem  
kelahiran Sarawak, Lee,  
Misha dan semua pihak  
yang terbabit dalam  
penerbitan serta pelakon  
atas kemenangan ini  
yang tentunya turut  
mengharumkan nama  
Malaysia di luar negara.*

*Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri*